

15/06/1997

Rasuah: Jangan pandang ringan ketegasan kerajaan

A Nazri Abdullah

NEGARA akan punah ranah jika rasuah menjadi darah daging dalam masyarakat. Walau apa bentuk sekalipun, sebarang sogokan yang mengharapkan ganjaran adalah rasuah. Sama ada ia berupa wang, saham, hadiah, pangkat atau peluang istimewa, sekiranya pemberian itu dengan niat untuk mendapatkan ganjaran tertentu, ia tetap rasuah. Rasuah adalah barah yang boleh membunuh sistem nilai dan seluruh institusi negara. Istilah "bisa diatur" menggambarkan betapa rasuah lebih berkuasa daripada undang-undang dan peraturan. Apabila ia menjadi darah daging dalam masyarakat, tidak siapa lagi yang akan bekerja kerana tugas dan tanggungjawab. Keluhuran akan musnah dan amanah akan terkubur.

Kita terpaksa mengakui bahawa rasuah sudah mula menjadi darah dalam masyarakat. Namun demikian kita agak bernasib baik kerana rasuah belum menjadi daging lagi. Darah boleh dibersihkan dan diganti. Kita boleh suntikkan darah yang baru dengan semangat yang baru bagi menyelamatkan daging daripada menjadi rosak dan busuk. Inilah yang sedang dilakukan oleh kerajaan. Kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pemangkunya Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini adalah amaran terakhir yang mesti dipandang serius oleh semua pihak. Amaran sudah berulang kali diberikan, kini masanya untuk bertindak.

Tindakan memecat Timbalan Menteri Perusahaan Utama Siti Zainab Abu Bakar dan penggantungan keahliannya bersama Senator Habshah Osman membuktikan Umno tegas memerangi gejala rasuah dalam parti dan kerajaan. Tindakan tegas seperti ini perlu disegerakan kerana sudah wujud keyakinan di kalangan tertentu bahawa mereka bebas melakukan rasuah dan penyelewengan selagi mereka setia menyokong pucuk pimpinan.

Barangkali kerana beranggapan demikianlah maka Zainab dan Habshah tidak berasa malu dan bersalah menutup dan memindahkan wang Pergerakan Wanita tanpa memberitahu Ketua Pergerakan yang baru. Penyelewengan akaun Pergerakan Wanita berjumlah RM1.8 juta adalah kesalahan yang amat memalukan parti dan pucuk pimpinan Umno yang tidak pernah letih memperjuangkan sebuah negara yang bersih, amanah dan cekap. Justeru, tindakan yang diambil oleh Majlis Tertinggi amatlah wajar dan diharap ia menjadi iktibar kepada seluruh jentera parti Umno dan Barisan Nasional.

Walaupun secara tersiratnya tindakan itu sekali gus menggambarkan kepemimpinan Pergerakan Wanita Umno yang lalu bukan saja tidak bersih dan amanah, malah tidak cekap, namun ahli Pergerakan Wanita tetap menerimanya dengan hati terbuka. Tidak ada suara yang membantah atau kesal di atas tindakan itu kecuali mereka yang terbabit. Alasan bekas Ketuanya Datuk Seri Rafidah Aziz yang cuba mempertahankan kedua-dua orang kuatnya amat hambar dan lemah sekali. Adalah lebih baik beliau berdiam diri daripada membuat kenyataan yang boleh menikam diri sendiri, kerana ahli Umno amat mengerti untuk mentafsir di antara hikmah dan muslihat parti.

Kita harap ketuanya yang baru Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman tidak ketawa besar sebaliknya menerima semua ini sebagai pengajaran untuk membetulkan sebarang kesilapan dan ketidaktelusan dalam pergerakan itu. Ia tidak cukup sekadar bercakap saja, tetapi mesti dibuktikan. Prinsip memang mudah untuk diungkap, tetapi sukar untuk dipraktikkan. Inilah yang kerap berlaku di kalangan pimpinan politik hari ini.

Kita yakin kerajaan, khususnya Perdana Menteri dan Pemangkunya mempunyai banyak maklumat berhubung rasuah. Barangkali mereka sengaja mahukan tindakan diambil terhadap orang politik dulu sebelum bertindak ke atas

kakitangan kerajaan. Tindakan ke atas beberapa pegawai kastam, imigresen, polis, jabatan pengangkutan jalan, penjara dan sebagainya seperti yang sering dilaporkan oleh media massa hanyalah tindakan kecil-kecilan saja. Ini tidak bermakna pegawai rendah saja yang terbabit dan pegawai tinggi semuanya bersih.

Walaupun pucuk pimpinan menunjukkan ketegasan dalam memerangi rasuah, kita tidak seharusnya gelabah dan kelam-kabut lantas mengeluarkan kenyataan yang bercanggah-canggah. Desakan yang mahukan BPR mendedahkan nama orang yang disiasat bercanggah dengan kenyataan Pemangku Perdana Menteri sebelumnya. Menurut Anwar kerajaan tidak akan mendedahkan nama mereka yang sedang disiasat sehinggalah cukup bukti untuk mendakwa mereka. Siasatan dibuat berdasarkan aduan dan tidak semua aduan itu benar kerana dalam Umno juga ramai yang suka menabur fitnah.

Kita juga tidak seharusnya membuat tuduhan melulu kononnya 90 peratus pemberi rasuah adalah usahawan. Rasuah boleh berlaku di jalan raya, di pejabat, di warung dan di mana-mana saja. Mungkin rasuah daripada usahawan lebih besar jumlahnya kerana orang yang menerimanya besar pula kuasanya. Tapi untuk mengatakan usahawan sahaja memberi rasuah adalah tuduhan yang melulu. Oleh kerana tindakan yang diambil setakat ini membabitkan orang politik, barangkali orang politiklah yang lebih banyak memberi dan menerima rasuah.

Politik wang yang mengamatkan Umno beberapa tahun lalu sehingga terpaksa ditubuhkan jawatankuasa khas menanganinya membuktikan rasuah di dalam Umno, khususnya ketika pemilihan parti mungkin lebih besar daripada rasuah di luar Umno.

(END)